

Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-5, Tahun 1432H /2011M

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-5, Tahun 1432 Hijrah / 2011 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa pada hari Selasa, 6 Zulkaedah 1432 bersamaan 4 Oktober 2011.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyarafi Mursaleen, Sayyidinaa Muhamadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin serta limpah rahmat-Nya jua, kita berpeluang untuk hadir di majlis yang penuh keberkatan ini bagi mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari qari dan qariah belia serantau.

Dengan kehadiran para belia sekalian akan terus memberikan peluang untuk berinteraksi dalam suasana persaingan yang sihat demi meningkatkan semangat ukhuwah dan perpaduan serantau.

Penganjuran musabaqah ini merupakan satu acara tetap yang berkesinambungan kepada usaha-usaha berterusan Kerajaan Paduka Ayahanda bagi memperkuatkan dan memartabatkan pembacaan Al-Qur'an di kalangan belia khasnya. Ianya adalah juga wadah kepada usaha pihak kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program dan perancangan yang terarah bagi meningkatkan pengetahuan dan penghayatan yang sempurna terhadap agama Islam sebagai pedoman hidup yang syumul.

Al-Qur'an adalah wahyu dan mukjizat terbesar serta terakhir yang diturunkan kepada Baginda Rasullullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang merupakan teras sumber rujukan, peringatan dan panduan hidup kepada seluruh umat manusia untuk sepanjang zaman.

Justeru, kita beroleh keberkatan bilamana Kitab Suci Al-Qur'an sentiasa dibaca, difahami serta dihayati dengan ketulusan hati dan jiwa.

Peringatan dan ajaran yang tersurat di dalamnya hendaklah difahami serta menjadi iktibar relevan sepanjang zaman kerana rahsia yang tersirat adalah panduan dan pedoman yang amat berguna kepada semua peringkat masyarakat termasuk golongan belia sebagai generasi pewaris dan penerus peradaban bangsanya.

Melalui kaedah penganjuran dan penghayatan ini, insya-Allah, hasrat kita untuk melahirkan sebuah Negara Zikir akan terlaksana, bilamana generasi belianya akan sentiasa bertakwa serta berpegang teguh kepada nilai-nilai persaudaraan dan perpaduan yang dianjurkan oleh Islam.

Pengajaran dari Al-Qur'an itu sangat luas, dan dengan mengamalkannya seorang belia itu boleh menjadi cekal dan gigih, serta tidak mudah goyah oleh hambatan cabaran duniaawi.

Kita bangkitkan keagungan Al-Qur'an kerana kita mahu dengan terwujudnya kesucian dalam diri seseorang belia itu akan menjadikan setiap usaha mereka sentiasa mendapat keredaan serta diberkati.

Jika dilihat lebih jauh, nilai kegigihan belia masa kini akan mula diukur bilamana mereka mula mengambil langkah untuk menjadi tampuk kepimpinan di masa hadapannya. Jika mereka berjiwa kosong serta mudah keliru, bererti persediaan untuk membentuk mereka belum cukup mantap.

Sehubungan tu, usaha Kerajaan Paduka Ayahanda yang berterusan untuk mencungkil dan mengetengahkan golongan belia cemerlang dan bepotensi haruslah dilihat sebagai usaha yang tidak berkesudian, sekalipun sudah ada tanda-tanda kejayaan darinya.

Begitulah juga hendaknya yang kita harapkan kepada belia serantau. Kita mahukan mereka ini menjadi belia yang diberkati, berjiwa lurus pada tindak-tanduk mereka dengan berpegang teguh kepada intipati ajaran Al-Qur'an agar rantau ini akan berterusan stabil dan makmur.

Menjurus ke arah itu, para belia Islam amatlah dituntut untuk sentiasa memahami, mendalami dan menghayati ajaran-ajaran Islam berteraskan Al-Qur'an bagi melahirkan generasi belia yang mengamalkan 'Amal Makruf Nahi Mungkar' yang setentunya akan lebih kreatif, cergas dan cekal untuk berbuat amal salih.

Saya berharap musabaqah ini akan juga dapat membuka minda para belia Islam serantau, di samping bertukar-tukar pengalaman serta kemahiran untuk sama-sama menempa kecemerlangan dalam menghayati pembacaan Al-Qur'an demi mempertahankan kegemilangan tamadun Islam.

Perkara ini jelas terbukti daripada iktibar zaman Rasulullah yang mana generasinya adalah dididik berteraskan AL-Qur'an yang meliputi pelbagai aspek sosiobudaya, ekonomi, politik, pentadbiran dan ilmu sains yang telah berjaya membina tamadun Islam serta modal insan Muslim yang tersohor yang menjadi ristaan abadi hingga ke hari ini.

Dengan mendahuluikan kalimah 'Bismillahir Rahmaniir Rahim', selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara Ke-5 bagi Tahun 1432 Hijrah / 2011 Masihi.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.